



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

**BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
TAHUN 2005**

**PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN
DAN PRESTASI KEWANGAN**



**JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA**



**LAPORAN
KETUA AUDIT NEGARA
BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
TAHUN 2005**

Pengesahan Penyata Kewangan Dan Prestasi Kewangan

**JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA**


KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240) menghendaki setiap Badan Berkanun Persekutuan mengemukakan penyata kewangan tahunan kepada Ketua Audit Negara untuk diaudit. Seterusnya Menteri berkenaan hendaklah membentangkan di Parlimen dengan seberapa segera penyata kewangan yang telah diaudit berserta Laporan Tahunan Badan Berkanun Persekutuan. Bagi memenuhi peruntukan Akta ini dan Akta Audit 1957, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan terhadap penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan untuk memberi pendapat sama ada penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan berkaitan telah diselenggara dengan teratur dan kemas kini.
2. Pada tahun 2006, sebanyak 112 penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan bagi tahun kewangan 2005 perlu diaudit oleh Ketua Audit Negara mengikut Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240). Daripada 112 penyata kewangan tahun 2005 yang telah diaudit, 105 telah diberi Sijil Tanpa Teguran, 6 Sijil Berteguran dan satu Sijil Adverse. Sijil Berteguran dikeluarkan kerana Badan Berkanun Persekutuan berkenaan tidak mematuhi piawaian perakaunan, undang-undang dan peraturan tertentu semasa menyediakan penyata kewangan dan rekod berkaitan tidak lengkap dan teratur. Satu Badan Berkanun Persekutuan diberi Sijil Adverse kerana penyata kewangan tidak disediakan mengikut piawaian perakaunan dan mengandungi kesilapan/ketinggalan yang material menyebabkan penyata kewangan tidak memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangannya.
3. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Badan Berkanun Persekutuan yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.


(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara


Malaysia

Putrajaya

8 Disember 2006

PENGENALAN

PENGENALAN

1. Badan Berkanun Persekutuan ditubuhkan bertujuan untuk melaksanakan dasar Kerajaan melalui program dan aktiviti yang ditetapkan secara profesional dan berkesan. Mengikut tafsiran Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240), Badan Berkanun Persekutuan adalah sebuah pertubuhan yang diperbadankan mengikut undang-undang Persekutuan. Badan Berkanun Persekutuan merupakan badan atau agensi Kerajaan Malaysia yang diperbadankan oleh undang-undang penubuhan bagi maksud Kerajaan Persekutuan tetapi tidak termasuk Pihak Berkuasa Tempatan atau perbadanan yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965.
2. Setiap Badan Berkanun Persekutuan yang ditubuhkan adalah tertakluk kepada akta tubuh atau akta subsidiari yang memperbadankannya di bawah akta induk dan berfungsi mengikut tujuan penubuhannya. Ia mempunyai kuasa autonomi seperti yang ditetapkan oleh akta tubuhnya. Namun, Lembaga Pengarah perlu diwujudkan untuk melaksanakan fungsi, pentadbiran, pengurusan dan aktivitinya. Lembaga Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat keputusan mengenai aspek pentadbiran dan pengurusan Badan Berkanun Persekutuan. Ahli Lembaga Pengarah adalah terdiri daripada wakil Perbendaharaan, Kementerian berkenaan, pegawai kerajaan dan ahli korporat yang mempunyai kemahiran berkaitan aktiviti Badan Berkanun Persekutuan. Pelantikan dan penamatan keahlian Lembaga Pengarah adalah di bawah bidang kuasa Menteri berkenaan. Setiap Badan Berkanun Persekutuan diletakkan di bawah Menteri yang bertanggungjawab seperti yang ditetapkan oleh akta tubuh atau mengikut *Ministerial Functions Act 1969* (Akta 2) pindaan tahun 1999. Bidang kuasa sesebuah Badan Berkanun Persekutuan adalah luas dan antaranya boleh membuat pinjaman, memberi pinjaman, melabur, menubuhkan syarikat subsidiari, kumpulan wang, akaun amanah dan melaksanakan program atau aktiviti tertakluk kepada akta tubuhnya. Sebahagian Badan Berkanun Persekutuan bergantung kepada geran kerajaan untuk melaksanakan aktivitinya manakala sebahagian lagi membiayai operasinya daripada sumber pendapatan janaan sendiri.
3. Badan Berkanun Persekutuan boleh menggubal peraturan kewangan, sistem dan prosedur sendiri serta menetapkan polisi perakaunan selagi tidak bercanggah dengan piawaian perakaunan yang diterima umum. Badan Berkanun Persekutuan adalah tidak tertakluk kepada Arahan Perbendaharaan dan sebarang pekeliling kerajaan kecuali yang khusus berkaitannya. Penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan disedia berdasarkan atas akruan bagi setiap tahun kewangan berakhir 31 Disember kecuali satu Badan Berkanun Persekutuan yang berakhir 30 Jun. Akta Badan Berkanun (Akta dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240) menghendaki Badan Berkanun Persekutuan

mengemukakan penyata kewangan kepada Ketua Audit Negara untuk diaudit dalam tempoh 6 bulan selepas berakhir tahun kewangan berkenaan. Akta yang sama juga memperuntukkan pengauditan penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan adalah tertakluk kepada Akta Audit 1957. Badan Berkanun Persekutuan dikehendaki mengemukakan penyata kewangan yang telah diaudit berserta laporan aktivitinya kepada Menteri dalam tempoh sebulan selepas pengesahan Audit. Menteri berkenaan pula perlu memastikan laporan tersebut dibentangkan di Parlimen dengan segera.

4. Sehingga kini, sebanyak 102 Badan Berkanun Persekutuan ditubuhkan untuk melaksanakan fungsi sebagaimana ia diperbadankan. Senarai Badan Berkanun Persekutuan berkenaan adalah seperti di **Lampiran A**.

PENYATA KEWANGAN

PENYATA KEWANGAN

1. PENDAHULUAN

- 1.1 Pada tahun 2006, sebanyak 102 Badan Berkanun Persekutuan perlu diaudit oleh Ketua Audit Negara mengikut Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240). Selain itu, Ketua Audit Negara juga mengaudit 11 Kumpulan Wang. Pada bulan Ogos tahun 1999, Jemaah Menteri telah memberi pengecualian kepada Perbadanan Padang Golf Subang daripada menyedia dan membentangkan penyata kewangan serta laporan aktivitinya bagi tahun 1968 hingga 1999 kerana ia akan dibubarkan. Sehingga kini, didapati proses tersebut masih belum selesai. Perbadanan dinasihat memohon pengecualian Jemaah Menteri daripada menyedia dan membentangkan penyata kewangan serta laporan aktivitinya bagi tahun 2000 hingga 2006. Setakat 31 Disember 2006, Jabatan Audit Negara dikehendaki mengaudit 112 penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan.
- 1.2 Sebanyak 4 Badan Berkanun Persekutuan baru ditubuhkan pada tahun 2006 iaitu Universiti Darul Iman Malaysia, Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran, Universiti Malaysia Kelantan dan Lembaga Pelabuhan Melaka. Universiti Darul Iman Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti Dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) telah mula beroperasi pada 1 Januari 2006. Manakala, Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran telah ditubuhkan di bawah Akta Tabung Pembangunan Kemahiran 2004 (Akta 640) pada 1 Jun 2006. Universiti Malaysia Kelantan pula telah mula beroperasi pada 1 September 2006 dengan pengambilan pelajar bagi tahun pertama akan bermula pada sesi 2007/2008. Lembaga Pelabuhan Melaka telah diwujudkan berikutan peluasan fungsi oleh Lembaga Pelabuhan Kelang seperti yang dinyatakan dalam *Kelang Port Authority (Extension of Function to Port Melaka) Order 1983, Port Authorities Act, 1963* setelah mendapat kelulusan Kementerian Pengangkutan pada 12 September 2004. Bagaimanapun, Lembaga Pelabuhan Melaka hanya menyediakan penyata kewangan secara berasingan mulai tahun kewangan 2006.
- 1.3 Jabatan Audit Negara mengaudit 19 daripada 112 penyata kewangan. Manakala baki 93 penyata kewangan diaudit oleh firma audit swasta yang dilantik oleh Ketua Audit Negara. Pelantikan firma audit swasta dibuat mengikut peruntukan Seksyen 7(3) Akta Audit 1957 yang memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara melantik mananya pihak yang berkebolehan untuk menjalankan pengauditan bagi pihak beliau. Syarat pelaksanaan pengauditan ini telah ditetapkan melalui perjanjian yang dimeterai.

1.4 Bagi memastikan firma audit swasta menjalankan pengauditan berkualiti serta mematuhi piawaian perakaunan dan pengauditan yang diluluskan, Jabatan Audit Negara telah mengeluarkan Prosedur Kualiti dan Arahan Kerja Badan Berkanun Persekutuan yang antaranya menetapkan panduan penyediaan Memorandum Rancangan Audit, pemantauan pengauditan yang dilaksanakan oleh firma audit swasta, proses semakan semula kertas kerja dan penyediaan Sijil Ketua Audit Negara.

2. PENYERAHAN DAN PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN

Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240) menghendaki setiap Badan Berkanun Persekutuan mengemukakan penyata kewangan tahunan kepada Ketua Audit Negara untuk diaudit tidak lewat dari 30 Jun tahun berikutnya. Bagi mempercepatkan penyediaan dan pembentangan penyata kewangan di Parlimen, Perbendaharaan Malaysia telah mengeluarkan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 15 Tahun 1994 yang menghendaki penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan dikemukakan tidak lewat dari 30 April tahun berikutnya. Ini bersesuaian dengan hasrat Kerajaan untuk membentangkan Penyata Kewangan pada tahun yang sama. Selaras dengan pekeliling ini, Jabatan Audit Negara telah menetapkan penyata kewangan disahkan dalam tempoh 4 bulan selepas tarikh penerimaan penyata kewangan tersebut.

Sebanyak 89 penyata kewangan telah diterima sebelum 30 April 2006, manakala 22 Badan Berkanun Persekutuan mengemukakan penyata kewangan sebelum 30 Jun 2006 dan satu selepas 30 Jun 2006. Badan Berkanun Persekutuan yang lewat mengemukakan penyata kewangan telah memohon lanjutan masa daripada Perbendaharaan Malaysia kecuali Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu, Kumpulan Wang Biasiswa Pengajian Tinggi Raja-Raja Dan Yang Dipertua Negeri, Lembaga Pelabuhan Johor, Lembaga Pelabuhan Johor Tanjung Pelepas, Universiti Utara Malaysia dan Perbadanan Putrajaya. Butirannya adalah seperti dijadual berikut:

**JADUAL 1
BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN YANG LEWAT
MENGEMUKAKAN PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN 2005**

NAMA AGENSI	TARIKH MENGEMUKAKAN PENYATA KEWANGAN	TEMPOH KELEWATAN (HARI)	SEBAB KELEWATAN
LGM Properties	03.05.2006	2	Kelewatan mendapatkan tandatangan Ahli Lembaga Pengarah
Maktab Kerjasama Malaysia	05.05.2006	4	Kelewatan mendapatkan tandatangan Pengarah
Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia	05.05.2006	4	Masalah gangguan sistem SAGA
Universiti Utara Malaysia	05.05.2006	4	Kesilapan penghantaran penyata kewangan
Lembaga Pelabuhan Johor	08.05.2006	7	Kelewatan mendapatkan tandatangan Pengurus Lembaga Pengarah

NAMA AGENSI	TARIKH MENGEJEMUKAKAN PENYATA KEWANGAN	TEMPOH KELEWATAN (HARI)	SEBAB KELEWATAN
Lembaga Pelabuhan Johor Tanjung Pelepas	08.05.2006	7	Kelewatan mendapatkan tandatangan Pengerusi Lembaga Pengarah
Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu	10.05.2006	9	Kelewatan mendapatkan tandatangan Pengerusi Lembaga Pengarah
Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia	10.05.2006	9	Kelewatan mendapatkan tandatangan Ahli Lembaga Pengarah
Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan	14.05.2006	13	Kelewatan syarikat subsidiari mengemukakan penyata kewangan
Kumpulan Wang Biasiswa Pengajian Tinggi Raja-Raja Dan Yang Dipertua Negeri	15.05.2006	14	Kelewatan mendapatkan tandatangan Pengerusi Pemegang Amanah
Yayasan Tunku Abdul Rahman	19.05.2006	18	Kelewatan mendapatkan tandatangan Pengerusi Lembaga Pengarah
Kolej Universiti Kejuruteraan Teknologi Malaysia	22.05.2006	21	Dalam proses pelantikan Pengerusi Lembaga Pengarah yang baru
Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia	29.05.2006	28	Dalam proses pelantikan Pengerusi Lembaga Pengarah yang baru
Perbadanan Stadium Merdeka	29.05.2006	28	Dalam proses pelantikan Pengerusi Lembaga Pengarah yang baru
Kolej Universiti Institut Teknologi Tun Hussein Onn	29.05.2006	28	Kelewatan pengauditan syarikat subsidiari
Kolej Universiti Islam Malaysia	30.05.2006	29	Masalah dalam penggunaan sistem baru
Lembaga Pembangunan Langkawi	30.05.2006	29	Kelewatan mendapatkan tandatangan Ahli Lembaga Pengarah
RRIM Consult Corporation	01.06.2006	31	Membuat pelarasan kepada penyata kewangan
Perbadanan Aset Keretapi	06.06.2006	36	Masalah dalam penggunaan sistem SAGA yang baru
Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia	12.06.2006	42	Masalah penyatauan dengan syarikat subsidiari
Lembaga Kemajuan Johor Tenggara	28.06.2006	58	Kelewatan pengauditan syarikat subsidiari
Perbadanan Putrajaya	30.06.2006	60	Tidak menerima pakai Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 15 Tahun 1994
Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan	28.07.2006	88	Kelewatan melantik akauntan baru

2.1 PERSIJILAN PENYATA KEWANGAN

Berdasarkan kepada pengauditan terhadap 112 penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan bagi tahun kewangan 2005, 105 penyata kewangan telah diberi Sijil Tanpa Teguran, 6 Sijil Berteguran dan satu Sijil Adverse. Kedudukan jenis sijil yang dikeluarkan oleh Ketua Audit Negara berdasarkan pengauditan penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan bagi tahun 2003 hingga 2005 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 2
KEDUDUKAN JENIS SIJIL YANG DIKELUARKAN
BAGI PENYATA KEWANGAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

JENIS SIJIL	TAHUN		
	2003	2004	2005
Tanpa Teguran	107	107	105
Berteguran	4	4	6
Adverse	-	-	1
JUMLAH	111	111	112

Selaras dengan piawaian pengauditan yang diluluskan, Sijil Ketua Audit Negara yang dikeluarkan dibahagi kepada 4 jenis seperti berikut:

- 2.1.1 Sijil Tanpa Teguran apabila penyata kewangan memberi gambaran yang benar dan saksama;
- 2.1.2 Sijil Berteguran apabila kesan sebarang perbezaan pendapat dengan pengurusan atau kekangan terhadap skop adalah tidak begitu material dan menyeluruh untuk mengeluarkan sijil *adverse* ataupun *disclaimer*;
- 2.1.3 Sijil *Adverse* apabila kesan perbezaan pendapat adalah material dan menyeluruh terhadap penyata kewangan, mewujudkan kekeliruan ataupun ketidaksempurnaan penyata kewangan dan seterusnya tidak memberi gambaran benar dan saksama; dan
- 2.1.4 Sijil *Disclaimer* apabila kesan yang mungkin timbul oleh kekangan terhadap skop adalah material dan menyeluruh menyebabkan bukti audit tidak mencukupi untuk memberi pendapat terhadap penyata kewangan.

Sijil Berteguran yang dikeluarkan oleh Ketua Audit Negara terhadap 6 penyata kewangan antaranya menyentuh perkara berikut:

a. Pematuhan Kepada Piawaian Perakaunan

Badan Berkanun Persekutuan dikehendaki menyediakan penyata kewangan mengikut piawaian perakaunan yang diluluskan bagi memberikan gambaran yang benar dan saksama. Mulai tahun kewangan 1999, piawaian yang perlu dipatuhi adalah piawaian yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia. Lembaga Kemajuan Pertanian Muda telah tidak mengambil kira penjejasan nilai yang berjumlah RM1.65 juta terhadap pendahuluan kepada syarikat subsidiari. Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia tidak memperuntukkan rosot nilai berjumlah RM1.86 juta terhadap pelaburannya yang mengalami kerugian. Di samping itu, Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia juga tidak membuat peruntukan hutang ragu secara spesifik walaupun

keupayaan pembayaran balik pembiayaan pelaburan Al Mudharabah oleh salah satu institusi milik penuhnya adalah diragui.

b. Penyelenggaraan Rekod Perakaunan

Tanggungjawab utama Akauntan sesebuah Badan Berkanun Persekutuan ialah menyelenggara rekod perakaunan manakala Lembaga Pengarah dan Ketua Eksekutif bertanggungjawab menentukan rekod berkenaan diselenggara dengan lengkap dan teratur. Pihak Audit mendapati rekod harta tetap Perbadanan Aset Keretapi tidak diselenggara dengan lengkap menyebabkan perbezaan antara jumlah di lejar am dan daftar harta tetap sejumlah RM8.32 bilion. Di samping itu, pembayaran berjumlah RM125.67 juta oleh Kerajaan bagi pihak Perbadanan Aset Keretapi tidak dapat disahkan disebabkan perbezaan sejumlah RM648.19 juta dengan jadual pembayaran kerja dalam pelaksanaan yang disediakan oleh Keretapi Tanah Melayu Berhad. Ketepatan nilai harta tanah, loji dan peralatan Maktab Kerjasama Malaysia tidak dapat disahkan kerana daftar harta tetap tidak diselenggara dengan memuaskan, peralatan komputer yang sedang dalam proses pelupusan masih dinyatakan dalam daftar harta tetap dan kos sebuah kenderaan berjumlah RM195,000 tidak diambil kira dalam penyata kewangan tahun 2005.

Sijil Adverse dikeluarkan terhadap penyata kewangan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan kerana ia tidak disediakan mengikut piawaian perakaunan dan mengandungi kesilapan/ketinggalan material yang menyebabkan penyata kewangan tidak dapat menunjukkan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangannya. Antara kesilapan/ketinggalan tersebut adalah seperti berikut:

- a. Butiran bagi tunai dan kesetaraan tunai pada 31 Disember 2005 telah diubah bagi menyediakan Penyata Aliran Tunai yang seimbang.
- b. Jumlah baki awal harta tanah, loji dan peralatan yang dibawa ke tahun 2005 berbeza dengan baki akhir tahun 2004 yang telah diaudit.
- c. Pelarasan berjumlah RM26.24 juta yang dibuat dalam Penyata Perubahan Ekuiti tidak mempunyai dokumen sokongan yang lengkap.

2.2 PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DI PARLIMEN

Mengikut Seksyen 7 Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240), setiap Badan Berkanun Persekutuan dikehendaki mengemukakan penyata kewangan bersama Laporan Aktiviti kepada Menteri bagi tempoh satu bulan selepas menerima penyata kewangan yang telah diaudit. Menteri kemudiannya dikehendaki membentangkan penyata tersebut di Parlimen dengan segera. **Sehingga bulan**

November 2006, hanya 14 penyata kewangan bagi tahun 2005 telah dibentangkan manakala sebanyak 87 penyata kewangan lagi masih belum dibentangkan di Parlimen walaupun Sijil Ketua Audit Negara bagi penyata kewangan tahun berkenaan telahpun dikeluarkan. Butiran Badan Berkanun Persekutuan yang berkaitan adalah seperti di Lampiran B.

3. PRESTASI KEWANGAN

Analisis prestasi kewangan Badan Berkanun Persekutuan yang merangkumi prestasi secara menyeluruh, penggunaan geran pembangunan dan syarikat subsidiari dilaporkan seperti berikut:

3.1 PRESTASI KEWANGAN SECARA MENYELURUH

Analisis prestasi kewangan Badan Berkanun Persekutuan adalah berdasarkan penyata kewangan 101 Badan Berkanun Persekutuan tahun 2005 termasuk Bank Kerjasama Rakyat Malaysia. Prestasi kewangan Badan Berkanun Persekutuan dilapor mengikut Kementerian berdasarkan analisis pendapatan, prestasi pemberian geran, pendapatan janaan sendiri, lebihan/(kurangan) pendapatan, kumpulan wang terkumpul, aset dan liabiliti serta tanggungan luar jangka. Di samping itu, prestasi 113 syarikat subsidiari milik 34 Badan Berkanun Persekutuan turut dilaporkan. Perubahan angka perbandingan juga telah dibuat untuk mengambil kira pelarasan tahun lepas oleh Badan Berkanun Persekutuan yang berkaitan. Analisis Badan Berkanun Persekutuan mengikut kementerian pada tahun 2005 adalah seperti di jadual berikut:


**JADUAL 3
ANALISIS BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
MENGIKUT KEMENTERIAN PADA TAHUN 2005**

KEMENTERIAN	BILANGAN BBP
Pengajian Tinggi	20
Pertanian dan Industri Asas Tani	10
Kewangan	10
Pengangkutan	9
Perusahaan Perladangan dan Komoditi	7
Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah	6
Jabatan Perdana Menteri	6
Pertahanan	4
Perdagangan Antarabangsa dan Industri	4
Sumber Asli dan Alam Sekitar	4
Pembangunan Usahawan dan Koperasi	3
Pelajaran	3
Kebudayaan, Kesenian dan Warisan	3
Belia dan Sukan	2
Kerja Raya	2
Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna	2
Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	2
Penerangan	1
Sumber Manusia	1
Pelancongan	1
Tenaga, Air dan Komunikasi	1
JUMLAH	101

3.1.1 Analisis Pendapatan


3.1.1.1 Pada tahun 2005, pendapatan Badan Berkanun Persekutuan berjumlah RM45.64 bilion. Ini menunjukkan peningkatan sejumlah RM6.68 bilion atau 17.1% berbanding RM38.96 bilion pada tahun 2004. Daripada jumlah pendapatan tersebut, pendapatan janaan sendiri merangkumi sejumlah RM38.17 bilion atau 83.6% berbanding geran mengurus sejumlah RM7.47 bilion atau 16.4%. Carta di bawah menunjukkan pendapatan Badan Berkanun Persekutuan mengikut kategori pada tahun 2004 dan 2005.

**CARTA 1
PENDAPATAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
MENGIKUT KATEGORI PADA TAHUN 2004 DAN 2005**



3.1.1.2 Pada tahun 2005, Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan memperolehi pendapatan tertinggi sejumlah RM25.80 bilion, diikuti oleh Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi sejumlah RM6.11 bilion, Jabatan Perdana Menteri sejumlah RM3.48 bilion dan Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi sejumlah RM2.63 bilion. Badan Berkanun Persekutuan di bawah kementerian lain merangkumi RM7.62 bilion daripada jumlah keseluruhan pendapatan Badan Berkanun Persekutuan pada tahun 2005. Butiran lanjut adalah seperti di carta berikut:

CARTA 2
PENDAPATAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
MENGIKUT KEMENTERIAN PADA TAHUN 2004 DAN 2005



3.1.1.3 Peningkatan pendapatan yang diperolehi Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan adalah berjumlah RM4.77 bilion atau 22.6% manakala Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi memperolehi peningkatan sejumlah RM1.06 bilion atau 21%. Badan Berkanun Persekutuan di bawah Jabatan Perdana Menteri hanya memperolehi peningkatan sejumlah RM157.88 juta atau 4.7% dan Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi sejumlah RM341.16 juta atau 14.9%. Badan Berkanun Persekutuan di bawah kementerian lain menunjukkan peningkatan sejumlah RM350.34 juta atau 4.8%.


3.1.2 Geran Mengurus

3.1.2.1 Geran mengurus diberikan oleh Kerajaan kepada Badan Berkanun Persekutuan sebagai bantuan untuk melaksanakan program dan aktiviti yang dirancang. Ini termasuk bagi membayai gaji dan elauan pegawai

Badan Berkanun Persekutuan serta menampung kos operasi lain seperti utiliti, pengangkutan dan pentadbiran.

3.1.2.2 Pada tahun 2005, geran mengurus yang diterima oleh Badan Berkanun Persekutuan adalah berjumlah RM7.47 bilion iaitu peningkatan sejumlah RM1.43 bilion atau 23.7% berbanding RM6.04 bilion pada tahun 2004. Pada keseluruhannya, penerimaan geran mengurus oleh Badan Berkanun Persekutuan tidak menunjukkan perubahan yang ketara. Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi menerima geran mengurus tertinggi berjumlah RM4.43 bilion. Ini diikuti oleh Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan berjumlah RM689.41 juta, Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi berjumlah RM634.35 juta dan seterusnya Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani sejumlah RM470.60 juta. Badan Berkanun Persekutuan di bawah kementerian lain menerima geran mengurus sejumlah RM1.25 bilion. Butiran adalah seperti di carta berikut:

CARTA 3
GERAN MENGURUS BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN MENGIKUT KEMENTERIAN PADA TAHUN 2004 DAN 2005



3.1.2.3 Berdasarkan carta 3, Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi mencatatkan peningkatan penerimaan geran mengurus tertinggi sejumlah RM1.02 bilion atau 29.9% yang meliputi sebanyak 71.3% daripada jumlah peningkatan keseluruhan penerimaan geran mengurus pada tahun 2005. Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi, Kementerian Kewangan, Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani serta kementerian lain mencatatkan peningkatan sejumlah RM418.63 juta atau 29.2%.

3.1.2.4 Analisis mendapati Majlis Amanah Rakyat merupakan penerima geran mengurus tertinggi sejumlah RM1.47 bilion pada tahun 2005. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM634.35 juta atau 43.2% digunakan untuk membiayai operasinya. Manakala baki sejumlah RM840.73 juta diagihkan untuk membiayai Program Penganjuran Pelajaran dan Program *Double Session* Institut Kemahiran Malaysia. Ini diikuti oleh Universiti Teknologi MARA sejumlah RM1.04 bilion, Lembaga Hasil Dalam Negeri sejumlah RM684.93 juta dan Universiti Kebangsaan Malaysia berjumlah RM549.16 juta.

3.1.2.5 Badan Berkanun Persekutuan yang menerima tambahan geran mengurus tertinggi pada tahun 2005 adalah Universiti Teknologi MARA sejumlah RM289.11 juta, diikuti oleh Majlis Amanah Rakyat sejumlah RM437.63 juta, Pusat Perubatan Universiti Malaya sejumlah RM151.99 juta dan Lembaga Hasil Dalam Negeri sejumlah RM146.81 juta.

3.1.2.6 Pada tahun 2005, hanya Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengangkutan dan Jabatan Perdana Menteri menerima geran mengurus yang lebih rendah berbanding tahun lepas. Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengangkutan menerima geran mengurus sejumlah RM198.81 juta berbanding RM215.76 juta pada tahun 2004 dengan penurunan sejumlah RM16.95 juta atau 7.9%. Manakala Badan Berkanun Persekutuan di bawah Jabatan Perdana Menteri menerima geran mengurus sejumlah RM6.82 juta berbanding RM12.43 juta pada tahun 2004 dengan penurunan sejumlah RM5.61 juta atau 45.1%.


3.1.2.7 Seperti pada tahun 2004, Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Tenaga, Air Dan Komunikasi, Kementerian Kerja Raya, Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna tidak menerima sebarang geran mengurus daripada Kerajaan pada tahun 2005.

3.1.2.8 Pada keseluruhannya, Badan Berkanun Persekutuan masih bergantung kepada geran daripada Kerajaan untuk menampung kos operasi dan melaksanakan aktiviti yang dirancang. Daripada 101 Badan Berkanun Persekutuan, sebanyak 59 Badan Berkanun Persekutuan menerima geran mengurus daripada Kerajaan yang merangkumi 16.4% daripada jumlah pendapatan keseluruhan Badan Berkanun Persekutuan. Manakala sebanyak 42 Badan Berkanun Persekutuan yang lain tidak menerima geran mengurus daripada Kerajaan pada tahun 2005.

3.1.3 Pendapatan Janaan Sendiri

3.1.3.1 Pendapatan janaan sendiri merupakan hasil yang diperolehi daripada aktiviti seperti pelaburan dalam syarikat subsidiari, ekuiti, sekuriti, bon, pengurus dana, simpanan tetap, pemberian pinjaman, yuran pengajian, jualan produk pertanian dan perkhidmatan. Sebilangan kecil Badan Berkanun Persekutuan menerima sumbangan daripada agensi bukan Kerajaan. Carta berikut menunjukkan pendapatan janaan sendiri oleh Badan Berkanun Persekutuan mengikut kementerian pada tahun 2004 dan 2005.

CARTA 4
PENDAPATAN JANAAN SENDIRI OLEH BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
MENGIKUT KEMENTERIAN PADA TAHUN 2004 DAN 2005



3.1.3.2 Penyumbang pendapatan janaan sendiri tertinggi adalah Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan yang menjana sejumlah RM25.11 bilion pada tahun 2005 yang mana merangkumi 65.8% daripada jumlah keseluruhan pendapatan janaan sendiri Badan Berkanun Persekutuan. Ini diikuti oleh Badan Berkanun Persekutuan di bawah Jabatan Perdana Menteri berjumlah RM3.47 bilion, Kementerian Sumber Manusia berjumlah RM1.88 bilion dan Kementerian Pengajian Tinggi berjumlah RM1.69 bilion. Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pelajaran, Kementerian Pengangkutan, Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani, Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar, Kementerian Belia Dan Sukan, Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah, Kementerian Pelancongan dan Kementerian Penerangan memperolehi pendapatan sejumlah RM6.02 bilion.

3.1.3.3 Pada tahun 2005, sebanyak 6 Badan Berkanun Persekutuan memperolehi pendapatan janaan sendiri melebihi RM1 bilion iaitu Kumpulan Wang Simpanan Pekerja berjumlah RM13.11 bilion, Bank Negara Malaysia berjumlah RM10.93 bilion, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan berjumlah RM2.17 bilion, Pertubuhan Keselamatan Sosial berjumlah RM1.87 bilion, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia berjumlah RM1.71 bilion dan Lembaga Tabung Haji sejumlah RM1.02 bilion.

3.1.4 Analisis Lebihan/(Kurangan) Pendapatan


3.1.4.1 Pada keseluruhannya, Badan Berkanun Persekutuan memperolehi lebihan pendapatan sejumlah RM19.72 bilion pada tahun 2005 iaitu peningkatan sejumlah RM4.06 bilion atau 25.9% berbanding RM15.66 bilion pada tahun sebelumnya. Pada tahun 2005, sebanyak 70 Badan Berkanun Persekutuan memperolehi keuntungan sejumlah RM20.09 bilion berbanding 54 Badan Berkanun Persekutuan yang memperolehi keuntungan sejumlah RM17.12 bilion pada tahun 2004. Manakala 31 Badan Berkanun Persekutuan mengalami kerugian sejumlah RM369.11 juta berbanding 46 Badan Berkanun Persekutuan dengan kerugian sejumlah RM1.46 bilion pada tahun 2004. Jadual 4 menunjukkan prestasi lebihan/(kurangan) pendapatan Badan Berkanun Persekutuan pada tahun 2004 dan 2005.

JADUAL 4
PRESTASI LEBIHAN/(KURANGAN) PENDAPATAN BADAN BERKANUN
PERSEKUTUAN PADA TAHUN 2004 DAN 2005

TAHUN	BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN YANG MEMPEROLEHI LEBIHAN PENDAPATAN		BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN YANG MENGALAMI KURANGAN PENDAPATAN		LEBIHAN PENDAPATAN KESELURUHAN	
	JUMLAH (RM JUTA)	BIL.	JUMLAH (RM JUTA)	BIL.	JUMLAH (RM JUTA)	BIL.
2004	17,121.40	54	1,461.55	46	15,659.85	100
2005	20,089.56	70	369.11	31	19,720.45	101
VARIANS	2,968.16	17.3%	1,092.44	74.7%	4,060.60	25.9%

3.1.4.2 Prestasi Badan Berkanun Persekutuan mengikut Kementerian menunjukkan Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan memperolehi lebihan pendapatan tertinggi berjumlah RM15.91 bilion atau 80.7% daripada jumlah keseluruhan lebihan pendapatan. Ini diikuti oleh Badan Berkanun Persekutuan di bawah Jabatan Perdana Menteri berjumlah RM948.93 juta, Kementerian Sumber Manusia berjumlah RM861.72 juta dan Kementerian Pengajian Tinggi berjumlah RM516.99 juta. Butiran lanjut adalah seperti di carta berikut:

CARTA 5
LEBIHAN/(KURANGAN) PENDAPATAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
MENGIKUT KEMENTERIAN PADA TAHUN 2004 DAN 2005



3.1.4.3 Analisis selanjutnya mendapati Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan mencatatkan peningkatan lebihan pendapatan paling ketara sejumlah RM3.43 bilion menjadi RM15.91 bilion berbanding RM12.48 bilion pada tahun 2004. Ini disebabkan oleh peningkatan lebihan pendapatan oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja sejumlah RM1.59 bilion menjadi RM11.89 bilion dan Bank Negara Malaysia sejumlah RM783.72 juta menjadi RM3.56 bilion pada tahun 2005.


3.1.4.4 Manakala Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengangkutan mencatatkan penurunan lebihan pendapatan dengan ketara berjumlah RM206.01 juta atau 46.4% menjadi RM238.01 juta berbanding RM444.02 juta pada tahun 2004. Ini disebabkan oleh penurunan lebihan pendapatan yang ketara oleh Perbadanan Aset Keretapi sejumlah RM160.92 juta atau 45.6% menjadi RM192.31 juta berbanding RM353.23 juta pada tahun 2004. Selain itu, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan yang diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri juga mengalami penurunan lebihan pendapatan sejumlah RM91.98 juta menjadi RM324.90 juta berbanding RM416.89 juta pada tahun 2004.

3.1.4.5 Pada keseluruhannya, prestasi kewangan Badan Berkanun Persekutuan pada tahun 2005 adalah baik dengan peningkatan pendapatan sejumlah RM6.68 bilion atau 17.1% menjadi RM45.64 bilion. Peningkatan ini disumbangkan oleh pendapatan janaan sendiri sejumlah RM38.17 bilion atau 83.6% daripada jumlah pendapatan Badan Berkanun Persekutuan. Bagaimanapun, sebanyak 31 Badan Berkanun Persekutuan yang mengalami kerugian berbanding 46 Badan Berkanun Persekutuan pada tahun 2004.

3.1.5 Analisis Kumpulan Wang Terkumpul

3.1.5.1 Kumpulan wang terkumpul Badan Berkanun Persekutuan pada tahun 2005 adalah berjumlah RM121.48 bilion iaitu penurunan sejumlah RM8.69 bilion atau 6.7% berbanding RM130.17 bilion pada tahun 2004. Kumpulan wang terkumpul ini terdiri daripada modal berbayar, rizab am, lebihan/(kurangan) pendapatan semasa dan yang dibawa dari tahun sebelumnya. Ini tidak mengambil kira kumpulan wang lain seperti Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan, Kumpulan Wang Pinjaman Komputer dan Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan. Carta berikut menunjukkan jumlah kumpulan wang terkumpul Badan Berkanun Persekutuan mengikut kementerian pada tahun 2004 berbanding tahun 2005.

CARTA 6
KUMPULAN WANG TERKUMPUL BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
MENGIKUT KEMENTERIAN PADA TAHUN 2004 DAN 2005



3.1.5.2 Berdasarkan carta 6, Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan mempunyai kumpulan wang terkumpul yang tertinggi berjumlah RM40.30 bilion, diikuti oleh Badan Berkanun Persekutuan di bawah Jabatan Perdana Menteri berjumlah RM25.31 bilion, Kementerian Pengajian Tinggi berjumlah RM17.84 bilion dan Kementerian Sumber Manusia berjumlah RM12.82 bilion.

3.1.5.3 Bagaimanapun, Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan mencatatkan penurunan paling ketara sejumlah RM13.50 bilion atau 25.1%. Ini disebabkan penurunan kumpulan wang terkumpul Bank Negara Malaysia sejumlah RM13.45 bilion atau 26% menjadi RM38.21 bilion berikutan perubahan ketara dalam kadar pertukaran asing hasil daripada penilaian semula aset luar negara. Selain itu, Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kerja Raya mencatatkan penurunan sejumlah RM87.30 juta menjadi RM619.10 juta, Kementerian Pertahanan sejumlah RM55.71 juta menjadi RM1.20 bilion dan Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar sejumlah RM6.30 juta menjadi RM227.83 juta pada tahun 2005.

3.1.5.4 Badan Berkanun Persekutuan di bawah Jabatan Perdana Menteri menunjukkan peningkatan sejumlah RM2.13 bilion atau 9.2% menjadi RM25.31 bilion. Ini disebabkan peningkatan kumpulan wang terkumpul Lembaga Tabung Haji sejumlah RM1.26 bilion atau 10.1% menjadi RM13.68 bilion.


3.1.5.5 Sehingga 31 Disember 2005, sebanyak 3 Badan Berkanun Persekutuan masih mengalami defisit kumpulan wang terkumpul berbanding 4 Badan Berkanun Persekutuan pada tahun 2004. Badan Berkanun Persekutuan tersebut adalah Bank Pertanian Malaysia berjumlah RM673.45 juta, Lembaga Lebuhraya Malaysia berjumlah RM63.80 juta dan Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan berjumlah RM57.83 juta. Daripada 3 Badan Berkanun Persekutuan tersebut, Bank Pertanian Malaysia menunjukkan pengurangan defisit kumpulan wang terkumpul sejumlah RM69.02 juta dan Lembaga Lebuhraya Malaysia sejumlah RM959,455 berbanding tahun 2004. Bagaimanapun, kedudukan kumpulan wang terkumpul Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan terus merosot sejumlah RM13.16 juta berbanding tahun lepas. Kedudukan ini boleh menjasikan usaha berterusan Badan Berkanun Persekutuan tersebut jika usaha untuk meningkatkan prestasi kewangan tidak diambil segera.

3.1.6 Analisis Aset

3.1.6.1 Aset Badan Berkanun Persekutuan merupakan aset tetap dan semasa yang terdiri daripada harta tanah dan peralatan, pelaburan syarikat subsidiari dan bersekutu, penghutang, tunai dan simpanan tetap.

3.1.6.2 Pada tahun 2005, aset Badan Berkanun Persekutuan telah mencatat peningkatan sejumlah RM51.23 bilion atau 7.7% menjadi RM712.74 bilion berbanding RM661.51 bilion pada tahun 2004. Kedudukan aset Badan Berkanun Persekutuan mengikut kementerian ditunjukkan di carta berikut:


CARTA 7
PERATUSAN ASET BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
MENGIKUT KEMENTERIAN



3.1.6.3 Berdasarkan carta 7, sebanyak 80.6% merupakan aset Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan berjumlah RM574.64 bilion diikuti oleh Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi sebanyak 4.4% yang berjumlah RM32.06 bilion. Nilai aset tertinggi yang dimiliki oleh Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan adalah Bank Negara Malaysia berjumlah RM295.43 bilion diikuti oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja berjumlah RM263.80 bilion.

3.1.6.4 Aset utama Badan Berkanun Persekutuan adalah merupakan pelaburan, wang tunai dan simpanan tetap. Pelaburan Badan Berkanun Persekutuan pula terdiri daripada pelaburan ekuiti, pasaran wang, harta tanah, bon, Sekuriti Kerajaan Malaysia serta pemberian pinjaman. Berdasarkan analisis, pelaburan Badan Berkanun Persekutuan adalah berjumlah RM537.47 bilion atau 75.4% daripada jumlah keseluruhan aset. Ini menunjukkan peningkatan pelaburan sejumlah RM67.12 bilion atau 14.3% berbanding RM470.35 bilion pada tahun 2004. Carta berikut menunjukkan pelaburan mengikut kementerian:

CARTA 8
PERATUSAN PELABURAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
MENGIKUT KEMENTERIAN




3.1.6.5 Pada tahun 2005, Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan mempunyai pelaburan tertinggi berjumlah RM506.08 bilion atau 94.1% daripada jumlah keseluruhan pelaburan Badan Berkanun Persekutuan. Di bawah Kementerian Kewangan, Bank Negara Malaysia mempunyai pelaburan tertinggi berjumlah RM256.20 bilion diikuti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja berjumlah RM241.86 bilion.

3.1.6.6 Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan Dan Komoditi telah menunjukkan peningkatan pelaburan yang ketara sejumlah RM48.51 juta atau 67.8% menjadi RM120.06 juta berbanding RM71.55 juta pada tahun 2004. Peningkatan ini adalah daripada pelaburan dalam bon oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia.

3.1.6.7 Komponen aset kedua tertinggi yang dimiliki oleh Badan Berkanun Persekutuan adalah wang tunai dan simpanan tetap berjumlah RM78.19 bilion yang mewakili 11% daripada jumlah aset. Bagaimanapun, wang tunai dan simpanan tetap telah menunjukkan penurunan yang ketara berjumlah RM33.72 bilion atau 30.1% berbanding RM111.91 bilion pada tahun 2004. Kedudukan wang tunai dan simpanan tetap mengikut kementerian adalah seperti di carta berikut:

CARTA 9
PERATUSAN WANG TUNAI DAN SIMPANAN TETAP
BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN MENGIKUT KEMENTERIAN




3.1.6.8 Berdasarkan carta 9, Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kewangan memiliki wang tunai dan simpanan tetap yang tertinggi iaitu RM54.48 bilion atau 69.6%. Bank Negara Malaysia merupakan pemegang wang tunai dan simpanan tetap tertinggi berjumlah RM35.94 bilion diikuti oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja berjumlah RM16.76 bilion. Bagaimanapun, Bank Negara Malaysia telah menunjukkan penurunan wang tunai dan simpanan tetap yang ketara iaitu RM27.29 bilion atau 43.2% menjadi RM35.94 bilion berbanding RM63.23 bilion pada tahun 2004.

3.1.6.9 Selain itu, Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia di bawah Kementerian Pelancongan telah menunjukkan peningkatan tunai dan simpanan tetap yang ketara melebihi 100% iaitu meningkat sejumlah RM99.95 juta menjadi RM164.29 juta berbanding RM64.34 juta pada tahun 2004.

3.1.7 Analisis Liabiliti

3.1.7.1 Liabiliti jangka panjang dan jangka pendek Badan Berkanun Persekutuan adalah terdiri daripada komponen utama seperti pinjaman, overdraf, pembiutang, deposit dan pendahuluan. Pada tahun 2005, liabiliti Badan Berkanun Persekutuan meningkat sejumlah RM33.44 bilion atau 11.7% daripada RM286.95 bilion pada tahun 2004 menjadi RM320.39 bilion. Kedudukan liabiliti Badan Berkanun Persekutuan mengikut kementerian ditunjukkan di carta berikut:

CARTA 10
PERATUSAN LIABILITI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
MENGIKUT KEMENTERIAN



3.1.7.2 Berdasarkan carta 10, Kementerian Kewangan mempunyai liabiliti tertinggi berjumlah RM271.49 bilion atau 84.5% daripada jumlah keseluruhan liabiliti Badan Berkanun Persekutuan. Daripada jumlah tersebut, Bank Negara Malaysia mempunyai liabiliti tertinggi sejumlah RM257.22 bilion yang


antaranya terdiri daripada deposit oleh bank perdagangan, syarikat kewangan dan bank saudagar, deposit oleh Kerajaan Malaysia dan deposit lain.

3.1.7.3 Selain itu, Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pelancongan iaitu Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia telah mengalami peningkatan liabiliti yang ketara melebihi 100% iaitu sejumlah RM75.20 juta menjadi RM149.09 juta berbanding RM73.89 juta pada tahun 2004. Punca peningkatan liabiliti disebabkan oleh pelbagai pembiayaan yang belum dijelaskan setakat 31 Disember 2005.

3.1.7.4 Penurunan ketara jumlah liabiliti ditunjukkan oleh Lembaga Letrik Sabah di bawah Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi yang menurun sejumlah RM42.35 juta atau 91.8% menjadi RM3.76 juta berbanding RM46.11 juta pada tahun 2004. Ini disebabkan Lembaga telah membuat pembayaran kepada Sabah Electricity Sdn. Bhd. bagi Konsesi Sambungtara Labuan Beaufort.

3.1.7.5 Berdasarkan analisis, pinjaman oleh Badan Berkanun Persekutuan berjumlah RM11.94 bilion iaitu 3.7% daripada jumlah liabiliti pada tahun 2005. Pinjaman ini telah mencatatkan peningkatan sejumlah RM4.89 bilion atau 69.4% berbanding RM7.05 bilion pada tahun sebelumnya. Analisis menunjukkan hanya 26 daripada 101 Badan Berkanun Persekutuan mempunyai pinjaman setakat 31 Disember 2005. Carta berikut menunjukkan pinjaman oleh Badan Berkanun Persekutuan mengikut kementerian:

CARTA 11
PERATUSAN PINJAMAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
MENGIKUT KEMENTERIAN



3.1.7.6 Berdasarkan carta 11, Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi mempunyai pinjaman tertinggi berjumlah RM5.64 bilion atau 47.5%, diikuti oleh Kementerian Pengangkutan sejumlah

RM3.72 bilion atau 31.1% dan Kementerian Kerja Raya sejumlah RM921.21 juta atau 7.7%.

3.1.7.7 Pada tahun 2005, peningkatan pinjaman yang ketara ditunjukkan oleh Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengangkutan dan Kementerian Pengajian Tinggi dengan peningkatan melebihi 100%. Bagi Kementerian Pengangkutan, pinjaman telah meningkat sejumlah RM2 bilion menjadi RM3.72 bilion berbanding RM1.72 bilion pada tahun 2004. Punca utama peningkatan adalah disebabkan Lembaga Pelabuhan Kelang perlu membayar balik kos perolehan tanah dan perbelanjaan pembangunan kawasan perdagangan bebas cukai kepada Kuala Dimensi Sdn. Bhd. dalam tempoh 15 tahun pada kadar 7.5% setahun atas baki kos tanah. Selain itu, bagi Kementerian Pengajian Tinggi, jumlah pinjaman meningkat sejumlah RM2.99 bilion menjadi RM5.64 bilion berbanding RM2.65 bilion pada tahun sebelumnya. Punca utama peningkatan adalah disebabkan pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Negara (PTPTN) telah meningkat sejumlah RM3 bilion menjadi RM5.50 bilion berbanding RM2.50 bilion pada tahun 2004. Pinjaman PTPTN adalah terdiri daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja berjumlah RM5 bilion dan Kumpulan Wang Amanah Pencen berjumlah RM0.50 bilion.

3.1.7.8 Selain itu, sebanyak 3 Badan Berkanun Persekutuan telah menjelaskan semua pinjaman pada tahun 2005 iaitu Lembaga Jurukur Tanah Semenanjung Malaysia (Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar) berjumlah RM2.49 juta, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (Kementerian Kerja Raya) berjumlah RM4 juta dan Lembaga Letrik Sabah (Kementerian Tenaga, Air Dan Komunikasi) berjumlah RM8.03 juta.

3.1.8 Analisis Tanggungan Luar Jangka

3.1.8.1 Setakat 31 Disember 2005, sebanyak 17 daripada 101 Badan Berkanun Persekutuan mempunyai tanggungan luar jangka berjumlah RM9.39 bilion dengan penurunan sejumlah RM1.31 bilion atau 12.2% berbanding RM10.70 bilion pada tahun 2004. Bank Negara Malaysia mempunyai tanggungan luar jangka tertinggi berjumlah RM7.04 bilion diikuti oleh Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) berjumlah RM1.27 bilion dan Bank Simpanan Nasional berjumlah RM524.78 juta.

3.1.8.2 Tanggungan luar jangka Bank Negara Malaysia merupakan kewajipan membayar sepenuhnya jumlah kuota Malaysia di Tabung Kewangan Antarabangsa berjumlah RM6.98 bilion dan bayaran terhadap bahagian yang belum matang berjumlah RM65.23 juta bagi 3,000 unit saham yang dipegang di *Bank For International Settlement*. Sebahagian besar tanggungan luar jangka PERDA disebabkan oleh tuntutan pihak ketiga

terhadap kegagalan PERDA untuk melaksanakan projek penswastaan. Tanggungan luar jangka bagi Bank Simpanan Nasional merupakan pinjaman yang telah diluluskan tetapi masih belum dikeluarkan pada tahun 2005. Butiran lanjut mengenai 6 Badan Berkanun Persekutuan yang mempunyai tanggungan luar jangka tertinggi adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 5
TANGGUNGAN LUAR JANGKA BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

NAMA AGENSI	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)
Bank Negara Malaysia	5,841.79	7,042.96
Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang	1,269.89	1,267.19
Bank Simpanan Nasional	188.98	524.78
Majlis Amanah Rakyat	357.08	357.64
Lembaga Lebuhraya Malaysia	57.41	83.43
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia	32.59	39.67
JUMLAH	7,747.74	9,315.67

3.2 PRESTASI PENGGUNAAN GERAN PEMBANGUNAN

Pada tahun 2005, sebanyak 47 daripada 101 Badan Berkanun Persekutuan telah menerima geran pembangunan berjumlah RM3.52 bilion. Jumlah ini meningkat berbanding tahun 2004 yang mana 54 daripada 100 Badan Berkanun Persekutuan tersebut telah menerima geran pembangunan berjumlah RM2.75 bilion setelah mengambil kira pelarasan tahun lepas. Analisis prestasi penggunaan geran pembangunan dibuat terhadap Badan Berkanun Persekutuan di bawah 4 Kementerian iaitu Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi, Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah serta Kementerian Perusahaan Perladangan Dan Komoditi. Analisis menunjukkan perkara berikut:

3.2.1 Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi

Program pembangunan yang dijalankan oleh Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi merangkumi pendidikan dan pembangunan usahawan luar bandar, latihan serta pendidikan kepada koperasi seluruh negara.

Pada tahun 2005, geran pembangunan yang diterima oleh Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi berjumlah RM909.45 juta. Perbelanjaan sebenar bagi program pembangunan Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian ini berjumlah RM181.12 juta. Manakala Majlis Amanah Rakyat telah menerima geran tertinggi berjumlah RM908.61 juta pada tahun 2005 untuk membiayai aktiviti pelajaran menengah, latihan kemahiran, pendidikan profesional, bimbingan usahawan, bangunan perniagaan dan pengangkutan. Baki geran yang masih belum dibelanja untuk

projek pembangunan yang belum selesai berjumlah RM6.68 bilion sehingga akhir tahun 2005.

3.2.2 Kementerian Pengajian Tinggi

Geran pembangunan yang disalur kepada Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi adalah untuk melaksana projek pembinaan kampus tetap universiti, menaik taraf bangunan, membaik pulih peralatan, membeli kelengkapan pendidikan, peralatan makmal, penyelidikan dan meningkatkan rangkaian komunikasi maklumat. Geran pembangunan yang diterima oleh semua Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi pada tahun 2005 berjumlah RM929.51 juta berbanding tahun 2004 sejumlah RM677.77 juta iaitu peningkatan RM251.74 juta atau 37.1%. Universiti Malaysia Sarawak merupakan penerima geran pembangunan tertinggi bagi tahun 2005 iaitu berjumlah RM320.87 juta berbanding RM168.61 juta pada tahun 2004. Penerimaan geran ini adalah khusus untuk pembangunan kampus, kemudahan peralatan pengajaran dan penyelidikan. Perbelanjaan sebenar bagi program pembangunan Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian ini berjumlah RM329.60 juta. Daripada jumlah tersebut, Universiti Teknologi MARA membelanjakan RM98.51 juta iaitu perbelanjaan tertinggi di bawah Kementerian Pengajian Tinggi. Analisis menunjukkan perbelanjaan geran pembangunan Universiti Teknologi MARA adalah khusus untuk perkembangan prasarana, pembangunan sistem dan pembelian aset. Baki geran pembangunan keseluruhan Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengajian Tinggi pada akhir tahun 2005 berjumlah RM8.49 bilion.

3.2.3 Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah

Program pembangunan yang dijalankan oleh Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah ialah antaranya memajukan masyarakat luar bandar dalam semua bidang sosio ekonomi melalui usaha pembangunan manusia dan ekonomi dengan tumpuan kepada peningkatan taraf hidup. Selain itu, program tersebut juga meliputi pembangunan industri, perumahan dan kemudahan infrastruktur.

Geran pembangunan yang diterima oleh semua Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah pada tahun 2005 berjumlah RM54.45 juta berbanding RM199.81 juta pada tahun sebelumnya. Pada tahun 2005, Badan Berkanun Persekutuan yang menerima geran tertinggi adalah Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) berjumlah RM13.54 juta. Geran ini diterima bagi melaksanakan projek pembangunan perumahan, pembayaran faedah atas pinjaman Kerajaan Persekutuan, projek komersial dan program pembangunan kawasan bandar dan luar bandar. (PERDA telah diletak

di bawah tanggungjawab Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri mulai 15 Ogos 2005).

Pada tahun 2005, perbelanjaan sebenar bagi program pembangunan Badan Berkanun Persekutuan di bawah kementerian ini berjumlah RM73.91 juta. Baki geran pembangunan bagi semua Badan Berkanun Persekutuan di bawah kementerian ini berjumlah RM599.66 juta pada akhir tahun 2005 belum dibelanjakan sepenuhnya disebabkan projek yang dirancang di bawah program pembangunan belum selesai dilaksanakan.

3.2.4 Kementerian Perusahaan Perladangan Dan Komoditi

Program pembangunan yang dilaksanakan oleh Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan Dan Komoditi antaranya mempromosi dan meningkatkan industri getah dan tembakau.

Pada tahun 2005, Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan Dan Komoditi hanya menerima geran pembangunan sejumlah RM54.02 juta berbanding RM73.84 juta pada tahun 2004. Daripada jumlah tersebut, Lembaga Tembakau Negara menerima geran tertinggi iaitu sejumlah RM25.53 juta. Manakala jumlah perbelanjaan pembangunan Badan Berkanun Persekutuan di Kementerian Perusahaan Perladangan Dan Komoditi berjumlah RM45.93 juta. Perbelanjaan geran pembangunan tertinggi dibuat oleh Lembaga Tembakau Negara berjumlah RM26.29 juta antaranya bagi tujuan program pengairan dan perparitan, pembangunan pengawetan/penanam pengawet, hutan tani dan penyuburan tanah. Baki geran pembangunan bagi Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan Dan Komoditi pada akhir tahun 2005 berjumlah RM264.80 juta.

3.3 PRESTASI SYARIKAT SUBSIDIARI

3.3.1 Pada tahun 2005, secara keseluruhannya sebanyak 34 Badan Berkanun Persekutuan telah melabur dalam 113 syarikat subsidiari dengan pegangan ekuiti melebihi 51% berbanding 116 syarikat subsidiari pada tahun 2004. Sebanyak 54 daripada 113 syarikat subsidiari telah mencatat keuntungan berjumlah RM839.90 juta pada tahun 2005. Keuntungan syarikat subsidiari ini telah meningkat sejumlah RM67.94 juta atau 8.8% berbanding RM771.96 juta pada tahun 2004. Manakala 42 syarikat subsidiari telah mengalami kerugian berjumlah RM83.97 juta pada tahun 2005 berbanding kerugian pada tahun 2004 berjumlah RM74.20 juta bagi 49 syarikat subsidiari. Kedudukan syarikat subsidiari yang mengalami keuntungan dan kerugian pada tahun 2004 dan 2005 adalah seperti di jadual berikut:

JADUAL 6
KEUNTUNGAN DAN KERUGIAN SYARIKAT SUBSIDIARI

TAHUN	KEUNTUNGAN		KERUGIAN	
	BILANGAN	JUMLAH (RM Juta)	BILANGAN	JUMLAH (RM Juta)
2004	56	771.96	49	74.20
2005	54	839.90	42	83.97

3.3.2 Berdasarkan analisis terhadap 113 syarikat subsidiari pada tahun 2005, sebanyak 85 syarikat subsidiari adalah aktif dari segi operasi, satu baru ditubuhkan, 10 telah berhenti operasi dan 17 tidak aktif.

3.4 RUMUSAN

Pada tahun 2005, prestasi kewangan Badan Berkanun Persekutuan secara keseluruhannya adalah baik. Pendapatan Badan Berkanun Persekutuan berjumlah RM45.64 bilion meningkat sejumlah RM6.68 bilion atau 17.1% berbanding RM38.96 tahun 2004. Sebahagian besar peningkatan ini merupakan pendapatan janaan sendiri iaitu RM38.17 bilion atau 83.6% daripada jumlah pendapatan pada tahun 2005. Begitu juga aset Badan Berkanun Persekutuan telah mencatat peningkatan sejumlah RM51.23 bilion atau 7.7% menjadi RM712.74 bilion berbanding RM661.51 bilion pada tahun 2004. Bagaimanapun, liabiliti Badan Berkanun Persekutuan telah meningkat sejumlah RM33.44 bilion atau 11.7% menjadi RM320.39 bilion berbanding RM286.95 bilion pada tahun 2004.

Bagi prestasi penggunaan geran pembangunan di bawah 4 Kementerian, analisis mendapati Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi menerima geran tertinggi melalui Majlis Amanah Rakyat berjumlah RM908.61 juta. Pada 31 Disember 2005, baki kumpulan wang pembangunan untuk 4 kementerian tersebut adalah berjumlah RM16.03 bilion. Baki kumpulan wang pembangunan yang tinggi ini adalah disebabkan oleh aset yang dibeli masih belum dilunaskan sepenuhnya mengikut jangka hayat aset berkenaan dan projek pembangunan yang belum selesai, terbengkalai atau belum dimulakan.

Di samping itu, prestasi syarikat subsidiari Badan Berkanun Persekutuan adalah lebih baik berbanding tahun sebelumnya dengan keuntungan meningkat sejumlah RM67.94 juta menjadi RM839.90 juta pada tahun 2005. Bagaimanapun, 42 syarikat subsidiari telah mengalami kerugian pada tahun 2005 yang berjumlah RM83.97 juta berbanding 49 syarikat subsidiari dengan kerugian berjumlah RM74.20 juta pada tahun 2004.

PENUTUP

PENUTUP

Tahun 2006 merupakan tahun pertama penyediaan laporan secara berasingan iaitu Laporan Pengesahan Penyata Kewangan Dan Prestasi Kewangan dan Laporan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan. Laporan Pengesahan Penyata Kewangan Dan Prestasi Kewangan adalah untuk melaporkan kedudukan terkini mengenai penyerahan dan pengesahan penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan pada tahun pengauditan yang sama. Berdasarkan penyata kewangan yang diaudit, analisis dapat dibuat terhadap prestasi kewangan Badan Berkanun Persekutuan.

Pada keseluruhannya, prestasi penyediaan penyata kewangan oleh Badan Berkanun Persekutuan adalah baik. Sehubungan itu, semua Ketua Eksekutif Badan Berkanun Persekutuan perlu memastikan penyata kewangan disediakan mengikut piawaian perakaunan yang diluluskan bagi memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Badan Berkanun Persekutuan.

JABATAN AUDIT NEGARA

Putrajaya

8 Disember 2006

LAMPIRAN A

SENARAI BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN

SENARAI KEMENTERIAN, BADAN BERKANUN DAN KUMPULAN WANG PERSEKUTUAN

A JABATAN PERDANA MENTERI

- 1 LEMBAGA TABUNG HAJI (**LTH**)
- 2 MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN (**MAIWP**)
- 3 KUMPULAN WANG BIASISWA PENGAJIAN TINGGI RAJA-RAJA DAN YANG DIPERTUA-YANG DIPERTUA NEGERI (**BIASISWA RAJA-RAJA**)
- 4 PERBADANAN PUTRAJAYA
- 5 LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN (**FELDA**)
- 6 SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA (**SUHAKAM**)
- 7 LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG (**PERDA**)

B KEMENTERIAN PERTAHANAN

- 8 LEMBAGA TABUNG ANGKATAN TENTERA (**LTAT**)
- 9 PERBADANAN PERWIRA NIAGA MALAYSIA (**PERNAMA**)
- 10 PERBADANAN PERWIRA HARTA MALAYSIA (**PPHM**)
- 11 PERBADANAN HAL EHWAL BEKAS ANGKATAN TENTERA (**PERHEBAT**)

C KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

- 12 PERBADANAN ASET KERETAPI (**PAK**)
- 13 LEMBAGA PELABUHAN KELANG (**LPK**)
- 14 SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG (**SPPP**)
- 15 LEMBAGA PELABUHAN KUANTAN (**LPKUANTAN**)
- 16 LEMBAGA PELABUHAN JOHOR (**LPJOHOR**)
- 17 LEMBAGA PELABUHAN BINTULU, SARAWAK (**LPB**)
- 18 LEMBAGA PELABUHAN KEMAMAN (**LP KEMAMAN**)
- 19 LEMBAGA PELABUHAN JOHOR TANJONG PELEPAS (**LPJOHOR-TG. PELEPAS**)
- 20 SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG - TELUK EWA (**SPPP - TELUK EWA**)

D KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR

- 21 AKADEMI SAINS MALAYSIA (**ASM**)
- 22 LEMBAGA PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN TIMAH (**TIMAH**)
- 23 LEMBAGA JURUKUR TANAH SEMENANJUNG MALAYSIA (**JURUKUR**)
- 24 LEMBAGA PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN PERHUTANAN MALAYSIA (**FRIM**)

E KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

- 25 LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA (**LPPKN**)
- 26 LEMBAGA WAKAF ORANG-ORANG HINDU PULAU PINANG (**WAKAF HINDU**)

F KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

- 27 PERBADANAN PRODUKTIVITI NEGARA (**NPC**)
- 28 LEMBAGA KEMAJUAN PERINDUSTRIAN MALAYSIA (**MIDA**)
- 29 PERBADANAN PEMBANGUNAN PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA (**MATRADE**)
- 30 PERBADANAN PEMBANGUNAN INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA (**SMIDEC**)

G KEMENTERIAN KEWANGAN

- 31 BANK NEGARA MALAYSIA (**BNM**)
- 32 KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (**KWSP**)
- 33 BANK SIMPANAN NASIONAL (**BSN**)
- 34 LEMBAGA TOTALISATOR MALAYSIA (**LTM**)
- 35 YAYASAN TUN RAZAK (**YTR**)
- 36 LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI (**LADA**)
- 37 INSTITUT AKAUNTAN MALAYSIA (**MIA**)
- 38 LEMBAGA PERKHIDMATAN KEWANGAN LUAR PESISIR LABUAN (**LOFSA**)
- 39 LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI (**LHDN**)
- 40 PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (**PIDM**)

H KEMENTERIAN PENERANGAN

41 PERTUBUHAN BERITA NASIONAL MALAYSIA (BERNAMA)

I KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

42 PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA (PERKESO)

J KEMENTERIAN PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI

43 LEMBAGA GETAH MALAYSIA (LGM)

44 LGM PROPERTIES

45 LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA (MPOB)

46 LEMBAGA TEMBAKAU NEGARA (LTN)

47 LEMBAGA KOKO MALAYSIA (KOKO)

48 RRIM CONSULT CORPORATION

49 LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA (KAYU)

K KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

50 BANK PERTANIAN MALAYSIA (BPM)

51 LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)

52 LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)

53 LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)

54 LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)

55 YAYASAN PELAJARAN PERSATUAN PELADANG DAN
PERTUBUHAN PELADANG MADA (YP MADA)

56 LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)

57 JEMAAH PEMASARAN LADA HITAM (JPLH)

58 INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA
(MARDI)

59 LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (NANAS)

L KEMENTERIAN TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI

60 LEMBAGA LETRIK SABAH (LLS)

M KEMENTERIAN KERJA RAYA

- 61 LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA (**LLM**)
- 62 LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (**CIDB**)

N KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

- 63 MAJLIS SUKAN NEGARA (**MSN**)
- 64 PERBADANAN STADIUM MERDEKA (**PSM**)
- 65 PERBADANAN PADANG GOLF SUBANG

O KEMENTERIAN PELANCONGAN

- 66 LEMBAGA PENGGALAKAN PELANCONGAN MALAYSIA (**TDC**)

P KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

- 67 MAJLIS AMANAH RAKYAT (**MARA**)
- 68 BANK KERJASAMA RAKYAT MALAYSIA BERHAD (**BANK RAKYAT**)
- 69 MAKTAB KERJASAMA MALAYSIA (**MKM**)

Q KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

- 70 YAYASAN TUNKU ABDUL RAHMAN (**YTAR**)
- 71 UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (**UiTM**)
- 72 UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (**UKM**)
- 73 UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (**UTM**)
- 74 UNIVERSITI MALAYA (**UM**)
- 75 UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (**USM**)
- 76 UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (**UPM**)
- 77 PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA (**PPUM**)
- 78 UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (**UUM**)
- 79 UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK (**UNIMAS**)
- 80 UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (**UMS**)
- 81 LEMBAGA AKREDITASI NEGARA (**LAN**)
- 82 UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (**UPSI**)

- | | |
|----|-----------------------------------------------------------|
| 83 | PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN) |
| 84 | KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA (KUIM) |
| 85 | KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN (KUITTHO) |
| 86 | KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN MALAYSIA (KUTKM) |
| 87 | KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA (KUSTEM) |
| 88 | KOLEJ UNIVERSITI KEJURUTERAAN TEKNOLOGI MALAYSIA (KUKTEM) |
| 89 | KOLEJ UNIVERSITI KEJURUTERAAN UTARA MALAYSIA (KUKUM) |

R KEMENTERIAN PELAJARAN

- | | |
|----|-----------------------------------------|
| 90 | DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA (DBP) |
| 91 | KUMPULAN WANG SIMPANAN GURU-GURU (KWSG) |
| 92 | MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA (MPM) |

S KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH

- | | |
|----|----------------------------------------------------------------|
| 93 | PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH (RISDA) |
| 94 | LEMBAGA KEMAJUAN TERENGGANU TENGAH (KETENGAH) |
| 95 | LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH KEDAH (KEDA) |
| 96 | LEMBAGA KEMAJUAN JOHOR TENGGARA (KEJORA) |
| 97 | LEMBAGA KEMAJUAN KELANTAN SELATAN (KESEDAR) |

T KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA

- | | |
|----|------------------------------------------|
| 98 | SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (SSM) |
| 99 | PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA (PHIM) |

U KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN

- | | |
|-----|------------------------------------------------------|
| 100 | LEMBAGA AMANAH BALAI SENI LUKIS NEGARA (SENI LUKIS) |
| 101 | PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA (FINAS) |
| 102 | PERBADANAN KEMAJUAN KRAFTANGAN MALAYSIA (KRAFTANGAN) |

KUMPULAN WANG

- 1 YAYASAN PEMBANGUNAN EKONOMI ISLAM MALAYSIA (**YPEIM**)
- 2 KUMPULAN WANG AMANAH NEGARA (**KWAN**)
- 3 AKAUN KEBAJIKAN KAKITANGAN BANK NEGARA MALAYSIA (**SWA**)
- 4 TABUNG AMANAH PENCEN BRITISH-BORNEO (**TAPBB**)
- 5 KUMPULAN WANG JUBLI PERAK PULAU PINANG DAN
SEBERANG PRAI (**JUBLI PERAK**)
- 6 KUMPULAN WANG SKIM JAMINAN INSURANS AM - AWAM (**KWSJIA**)
- 7 AKAUN DEPOSIT INSURANS (**ADI**)
- 8 INDUSTRIAL ADJUSTMENT FUND (**IAF**)
- 9 KUMPULAN WANG SKIM JAMINAN INSURANS HAYAT (**KWSJIH**)
- 10 KUMPULANWANG PENCEN BALU DAN ANAK YATIM SABAH (**BALU SABAH**)
- 11 KUMPULANWANG PENCEN BALU DAN ANAK YATIM SARAWAK (**BALU SARAWAK**)

LAMPIRAN B

PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN

BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN DI PARLIMEN

KEDUDUKAN SETAKAT BULAN NOVEMBER 2006

PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN DI PARLIMEN
KEDUDUKAN SETAKAT BULAN NOVEMBER 2006

BADAN BERKANUN		BILANGAN AKAUN YANG TERLIBAT	PENYATA KEWANGAN TAHUNAN YANG BELUM DIBENTANG
A	JABATAN PERDANA MENTERI		
1	KUMPULAN WANG BIASWA PENGAJIAN TINGGI RAJA-RAJA DAN YANG DIPERTUA - YANG DIPERTUA NEGERI (BIASWA RAJA-RAJA)	1	2005
2	PERBADANAN PUTRAJAYA	1	2005
3	LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN (FELDA)	1	2005
4	LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG (PERDA)	1	2005
B	KEMENTERIAN PENGANGKUTAN		
5	PERBADANAN ASET KERETAPI (PAK)	1	2005
6	LEMBAGA PELABUHAN KELANG (LPK)	1	2005
7	SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG (SPPP)	1	2005
8	LEMBAGA PELABUHAN KUANTAN (LP KUANTAN)	1	2005
9	LEMBAGA PELABUHAN JOHOR (LP JOHOR)	1	2005
10	LEMBAGA PELABUHAN BINTULU, SARAWAK (LPB)	1	2005
11	LEMBAGA PELABUHAN KEMAMAN (LP KEMAMAN)	1	2005
12	LEMBAGA PELABUHAN JOHOR TANJONG PELEPAS (LP JOHOR-TG. PELEPAS)	1	2005
13	SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG-TELUK EWA (SPPP – TELUK EWA)	1	2005
C	KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR		
14	LEMBAGA PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN TIMAH (TIMAH)	1	2005
15	LEMBAGA JURUKUR TANAH SEMENANJUNG MALAYSIA (JURUKUR)	1	2005
16	LEMBAGA PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN PERHUTANAN MALAYSIA (FRIM)	1	2005
D	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT		
17	LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA (LPPKN)	1	2005
18	LEMBAGA WAKAF ORANG-ORANG HINDU PULAU PINANG (WAKAF HINDU)	1	2005
E	KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI		
19	PERBADANAN PRODUKTIVITI NEGARA (NPC)	1	2005
20	LEMBAGA KEMAJUAN PERINDUSTRIAN MALAYSIA (MIDA)	1	2005
21	PERBADANAN PEMBANGUNAN PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA (MATRADE)	1	2005
22	PERBADANAN PEMBANGUNAN INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA (SMIDEC)	1	2005

BADAN BERKANUN		BILANGAN AKAUN YANG TERLIBAT	PENYATA KEWANGAN TAHUNAN YANG BELUM DIBENTANG
F	KEMENTERIAN KEWANGAN		
	23 LEMBAGA TOTALISATOR MALAYSIA (LTM)	1	2005
	24 YAYASAN TUN RAZAK (YTR)	1	2005
	25 LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI (LADA)	1	2005
	26 LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI (LHDN)	1	2005
G	KEMENTERIAN PENERANGAN		
	27 PERTUBUHAN BERITA NASIONAL MALAYSIA (BERNAMA)	1	2005
H	KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA		
	28 PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA (PERKESO)	1	2005
I	KEMENTERIAN PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI		
	29 LEMBAGA GETAH MALAYSIA (LGM)	1	2005
	30 LGM PROPERTIES	1	2005
	31 LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA (MPOB)	1	2005
	32 LEMBAGA TEMBAKAU NEGARA (LTN)	1	2005
	33 LEMBAGA KOKO MALAYSIA (KOKO)	1	2005
	34 RRIM CONSULT CORPORATION	1	2005
	35 LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA (KAYU)	1	2005
J	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI		
	36 BANK PERTANIAN MALAYSIA (BPM)	1	2005
	37 LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)	1	2005
	38 LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)	1	2005
	39 LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)	1	2005
	40 LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)	1	2005
	41 YAYASAN PELAJARAN PERSATUAN PELADANG DAN PERTUBUHAN PELADANG MADA (YP MADA)	1	2005
	42 LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)	1	2005
	43 JEMAAH PEMASARAN LADA HITAM (JPLH)	1	2005
	44 INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)	1	2005
	45 LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (NANAS)	1	2005
K	KEMENTERIAN TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI		
	46 LEMBAGA LETRIK SABAH (LLS)	1	2005
L	KEMENTERIAN KERJA RAYA		
	47 LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA (LLM)	1	2005
	48 LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (CIDB)	1	2005

LAMPIRAN B

BADAN BERKANUN		BILANGAN AKAUN YANG TERLIBAT	PENYATA KEWANGAN TAHUNAN YANG BELUM DIBENTANG
M	KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN		
	49 MAJLIS SUKAN NEGARA (MSN)	1	2005
	50 PERBADANAN STADIUM MERDEKA (PSM)	1	2005
N	KEMENTERIAN PELANCONGAN		
	51 LEMBAGA PENGGALAKAN PELANCONGAN MALAYSIA (TDC)	1	2005
O	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI		
	52 MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)	1	2005
	53 YAYASAN PELAJARAN MARA (YPM)	1	2005
	54 MAKTAB KERJASAMA MALAYSIA (MKM)	1	2005
P	KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI		
	55 YAYASAN TUNKU ABDUL RAHMAN (YTAR)	1	2005
	56 UNIVERSITI TEKNOLGI MARA (UiTM)	1	2005
	57 UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (UKM)	1	2005
	58 UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM)	1	2005
	59 UNIVERSITI MALAYA (UM)	1	2005
	60 UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (USM)	1	2005
	61 UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (UPM)	1	2005
	62 PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA (PPUM)	1	2005
	63 UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)	1	2005
	64 UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK (UNIMAS)	1	2005
	65 UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (UMS)	1	2005
	66 LEMBAGA AKREDITASI NEGARA (LAN)	1	2005
	67 UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (UPSI)	1	2005
	68 PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)	1	2005
	70 KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA (KUIM)	1	2005
	71 KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN (KUITTHO)	1	2005
	72 KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI KEBANGSAAN MALAYSIA (KUTKM)	1	2005
	73 KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA (KUSTEM)	1	2005
	74 KOLEJ UNIVERSITI KEJURUTERAAN TEKNOLOGI MALAYSIA (KUKTEM)	1	2005
	75 KOLEJ UNIVERSITI KEJURUTERAAN UTARA MALAYSIA (KUKUM)	1	2005

Q	KEMENTERIAN PELAJARAN		
	76 DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA (DBP)	1	2005
	77 KUMPULAN WANG SIMPANAN GURU-GURU (KWSG)	1	2005
	78 MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA (MPM)	1	2005
R	KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH		
	79 PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH (RISDA)	1	2005
	80 LEMBAGA KEMAJUAN TERENGGANU TENGAH (KETENGAH)	1	2005
	81 LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH KEDAH (KEDA)	1	2005
	82 LEMBAGA KEMAJUAN JOHOR TENGGARA (KEJORA)	1	2005
	83 LEMBAGA KEMAJUAN KELANTAN SELATAN (KESEDAR)	1	2005
S	KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA		
	84 PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA (PHIM)	1	2005
T	KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN		
	85 LEMBAGA AMANAH BALAI SENI LUKIS NEGARA (SENI LUKIS)	1	2005
	86 PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA (FINAS)	1	2005
	87 PERBADANAN KEMAJUAN KRAFTANGAN MALAYSIA (KRAFTANGAN)	1	2005
JUMLAH		87	